

**Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1500, Selasa, 20 April 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PELANCARAN *TOURISM DASHBOARD*

*Tourism Dashboard:*

Informasi sektor pelancongan dalam talian, <https://www.dosm.gov.my/tourismDB>

**PUTRAJAYA, 20 April 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) secara rasminya telah melancarkan *Tourism Dashboard* yang mengandungi data dan maklumat berkaitan pelancongan. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia yang turut disaksikan oleh wakil Tourism Malaysia dan persatuan-persatuan industri pelancongan.

Ketua Perangkawan berkata, “Objektif *Tourism Dashboard* ini dibangunkan bertujuan memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik yang berkaitan dengan sektor pelancongan. *Tourism Dashboard* merupakan gabungan daripada pelbagai sumber data yang melibatkan Akaun Satelit Pelancongan dan Statistik Pelancongan Domestik yang diterbitkan oleh DOSM serta indikator daripada *Tourism Malaysia*”.

*Dashboard* ini merangkumi data siri masa dan indikator yang signifikan bagi memantau prestasi sektor pelancongan. Selain itu, manual-manual rujukan daripada badan antarabangsa serta polisi yang dikeluarkan oleh kerajaan berkaitan pelancongan turut dimuatkan ke dalam *Tourism Dashboard* ini. Maklumat dalam dashboard ini akan sentiasa dikemaskini berdasarkan ketersediaaan data dari masa ke semasa.

Mengulas situasi semasa berkenaan penularan pandemik yang telah melanda dunia,

Malaysia merupakan salah sebuah daripada lebih 200 negara yang sedang bergelut dengan Covid-19. Industri pelancongan merupakan antara sektor yang terjejas teruk sejak penutupan sempadan bagi kemasukan pelancong asing bermula 18 Mac tahun lalu.

Bagi mengurangkan beban dan menyokong pemulihan sektor ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu sektor pelancongan. Antara inisiatif tersebut adalah Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan (PENJANA), Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi pemandu pelancong yang dilesenkan oleh MOTAC dan terkini adalah Bantuan Kewangan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) kepada industri pelancongan.

Pelaksanaan kawalan kemasukan pelancong luar yang diperketatkan di semua pintu masuk menuntut kerajaan menyusun pelan strategi khusus bagi menyemarakkan pelancongan domestik. Dalam hubungan ini, gelembung pergerakan pelancongan bersasar domestik dibenarkan oleh pihak kerajaan untuk pelancong yang berada di negeri bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sahaja dengan menggunakan perkhidmatan agensi pengembalaan yang berdaftar di samping mematuhi *Standard of Operating Procedures* (SOP) yang telah ditetapkan.

Menurut beliau, usaha ini dijangka dapat menyokong ke arah pemulihan industri ini secara berperingkat seperti sektor perhotelan, pengangkutan penumpang, agensi pengembalaan dan sebagainya. Secara tidak langsung, keberkesanan inisiatif ini mampu mengekalkan kelangsungan terhadap kebergantungan tenaga kerja seterusnya mengurangkan insiden pengangguran.

Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang telah dilancarkan pada 23 Disember 2020 oleh YAB Perdana Menteri bermatlamat menjamin kelangsungan industri pelancongan negara serta kembali menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih di peringkat global. Matlamat ini akan dapat dicapai melalui pendekatan utama yang merangkumi pengukuhan daya saing, pembangunan sektor pelancongan secara lestari dan inklusif, serta kesediaan mengharungi bencana pada masa akan datang.

Oleh itu, dengan adanya *Tourism Dashboard* ini, semua pihak dapat menggunakannya bagi melihat dan mengetahui perkembangan industri pelancongan dengan lebih holistik. *Tourism Dashboard* ini boleh dicapai melalui <https://www.dosm.gov.my/tourismDB>.

Dalam majlis yang sama, Ketua Perangkawan Malaysia turut menyeru semua pihak untuk sama-sama membantu dalam menjayakan Banci Penduduk dan Perumahan yang dijadualkan akan berakhir pada 30 Jun 2021.

### Paparan *Tourism Dashboard*

The screenshot shows the homepage of the Tourism Dashboard. At the top left is the coat of arms of Malaysia and the text "Department of Statistics Malaysia www.dosm.gov.my". The main title "TOURISM DASHBOARD" is prominently displayed. Below it, a subtitle reads: "This dashboard presents the time series data for tourism sectors as well as related indicators." To the right is a colorful illustration of a globe with travel-related icons like a compass, airplane, luggage, and location pins. On the left, there's a vertical menu with four items: "Tourism Satellite Statistics", "Domestic Tourism Statistics", "Tourism Malaysia Statistics", and "Technical Notes". A "more..." button is located at the bottom right of the menu area.

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**20 APRIL 2021**